



AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

AKTA 342

OLEH :
FAKHRUZ ZAMAN BIN MA'ROF
PPKP U32 @ UNIT INSPEKTORAT & PERUNDANGAN
JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 342

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

Sebagaimana pada 1 Julai 2020

NEGARA

12 pesakit tibi lari rawatan dikenakan tindakan perundangan

Oleh MOHD AZLI ADLAN | 20 Mei 2023, 3:25 pm



Lukanisman (dua dari kanan) melihat pameran pada sambutan Hari Tibi peringkat kebangsaan di Kuala Nerus hari ini.

KUALA NERUS – Pesakit tibi boleh dikenakan tindakan perundangan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 sekiranya gagal mematuhi jadual rawatan ditetapkan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni berkata, seramai 12 pesakit tibi termasuk dua orang pada tahun lalu telah dikenakan tindakan perundangan tersebut kerana kecemasan mereka menjalani rawatan.

Beliau berkata, ketegasan tersebut membuktikan keseriusan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk menamatkan epidemik tibi menjelang tahun 2035.

"Kita mempunyai mekanisme untuk menggesa pesakit yang berhenti mengambil rawatan (tibi). Sekiranya gagal dihubungi menerusi panggilan telefon atau mesej, pegawai (kesihatan) akan mencari ke rumah.

"Sekiranya tidak dapat, kita akan menggunakan akta sedia ada untuk membawa mereka ke muka pengadilan," katanya selepas merasmikan sambutan Hari Tibi peringkat kebangsaan di sini hari ini.

BERITA

Doktor kena tindakan jika gagal lapor denggi



Bernama

Diterbitkan: Jan 22, 2012 12:25 PM - Dikemaskini: 6:30 PM

Pengamal perubatan yang tidak melaporkan kes denggi yang dirawat di fasiliti kesihatan masing-masing akan dikenakan tindakan mengikut Seksyen 10, Akta Pengawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai.

Beliau berkata di bawah akta itu, semua pengamal perubatan bertanggungjawab melaporkan kes demam denggi kepada Pejabat Kesihatan yang terdekat dalam tempoh 24 jam.

"Kementerian Kesihatan memandang serius perkara ini kerana kegagalan melaporkan kes menyebabkan tindakan kawalan tidak dilakukan dan seterusnya menyumbang kepada penularan jangkitan yang berterusan," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Liow berkata pada tahun lepas, enam pegawai perubatan hospital swasta di Petaling Jaya dikompaun RM1,000 seorang kerana gagal melaporkan kes demam denggi yang dirawat di fasiliti mereka.

"Kementerian Kesihatan mendapati 213 kes demam denggi dari daerah Petaling yang dirawat di hospital berkenaan pada tahun 2011 dan daripada jumlah tersebut, enam kes demam denggi tidak dilaporkan di mana-mana pejabat Kesihatan.

COVID-19: 8 individu PUI dikenakan tindakan

Bernama

25/03/2020 10:47 MYT



Jabatan Kesihatan Sabah mengingatkan semua pihak supaya mematuhi arahan kuarantin atau berhadapan tindakan undang-undang. Gambar hiasan/ Bernama.

Seramai lapan individu dalam siasatan (PUI) atau kontak rapat pesakit dijangkiti COVID-19 di Sabah dikenakan tindakan undang-undang kerana tidak mematuhi arahan kuarantin di rumah selama 14 hari, kata Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Christina Rundi.

Beliau berkata lapan individu terbabit masing-masing tiga dari Papar dan lima dari Tawau dan kesemua mereka dikenakan tindakan mengikut Seksyen 15 (1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

NO. RUJUKAN: UIP-APPPB-01-21 (PINDAAN 2024)

PROSEDUR MENGKOMPAUN KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 10 (2), 22 (c) dan 22 (d) AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988



DISEDIAKAN OLEH:

SEKTOR INSPEKTORAT DAN PERUNDANGAN
BAHAGIAN PERKEMBANGAN KESIHATAN AWAM
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

15 FEBRUARI 2024

NO. RUJUKAN PROSEDUR : UIP-APPPB-01-21 (PINDAAN 2024)

5. ANGGOTA YANG TERLIBAT

Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa olehnya bagi maksud ini secara bertulis.

6. PUNCA KUASA

6.1 Seksyen 25 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]

Seksyen 25. Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa olehnya bagi maksud ini secara bertulis boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta ini yang telah ditetapkan oleh peraturan-peraturan sebagai boleh kompaun dengan mendapatkan daripada pesalah itu sejumlah wang yang tidak melebihi seribu ringgit.

6.2 Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengkompaunan Kesalahan-Kesalahan) 1993 [P.U. (A) 327/1993]

Di bawah Peraturan ini terdapat tiga (3) kesalahan yang boleh dikompaun adalah seperti berikut :

Subseksyen 10(2)

Pengamal perubatan yang merawat atau mendapat tahu tentang wujudnya apa-apa penyakit berjangkit tidak memberikan notis tentang wujudnya penyakit berjangkit kepada pegawai kesihatan di dalam borang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Borang notis) 1993 (Pindaan 2011) tentang wujudnya penyakit berjangkit.

Perenggan 22(c)

Enggan memberikan maklumat yang dikehendaki bagi maksud Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Perenggan 22 (d)

Memberikan maklumat palsu di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, memberikan maklumat palsu.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 342

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

3. Pelantikan pegawai diberi kuasa
4. Pembatasan liabiliti
5. Bantuan polis, dll.

BAHAGIAN III

PENCEGAHAN PEMBAWAAN MASUK PENYAKIT BERJANGKIT

6. Pengisyntaran kawasan jangkitan
7. Memasuki dan memeriksa kenderaan dan langkah-langkah selepas itu
8. Masa pemeriksaan
9. Membawa masuk atau membawa keluar mayat dan organisme atau bahan patogenik

BAHAGIAN IV

MENGAWAL MEREBAKNYA PENYAKIT BERJANGKIT

Seksyen

10. Kehendak supaya memberitahu tentang penyakit berjangkit
11. Pengisytiran kawasan tempatan jangkitan
12. Orang yang dijangkiti tidak boleh bertindak mengikut cara yang boleh merebakkan penyakit berjangkit
13. Pengawalan barang tercemar dan binatang yang dijangkiti
14. Pengasingan orang yang dijangkiti dan orang yang disyaki
15. Pemerhatian atau pengawasan kontak
16. Perintah bagi pemeriksaan mayat
17. Pengurusan orang mati
18. Membasmi kuman dan menutup premis
19. Pemusnahan struktur
20. Menjual atau menyewakan bangunan yang tercemar
21. Kuasa untuk memerintahkan kenderaan tertentu dibasmi kuman

BAHAGIAN V

KESALAHAN DAN PENALTI

22. Kesalahan secara amnya
23. Pendakwaan
24. Penalti am
25. Pengkompaunan kesalahan

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

26. Rekuisisi premis
27. Penyitaan dan pelupusan barang tercemar dsb.
28. Mendapatkan kos dan perbelanjaan
29. Pengecualian

Seksyen

30. Kuasa untuk mengubah Jadual
 31. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
 32. Pindaan
 33. Pemansuhan dan kecualian
- JADUAL PERTAMA
JADUAL KEDUA

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 2]

PENYAKIT-PENYAKIT BERJANGKIT

BAHAGIAN I

1. *Avian Influenza*
2. Batuk Kokol
3. Campak
4. *Chancroid*
5. Demam denggi dan demam denggi berdarah
6. Demam kuning
7. Difteria
8. Disenteri (Semua jenis)
9. Ebola
10. Jangkitan Gonococcal (Semua jenis)
11. Jangkitan virus Zika
12. Leptospirosis
13. Keracunan makanan
14. Kolera

*Pencegahan dan Pengawalan
Penyakit Berjangkit*

31

15. Kusta
16. Malaria
17. *Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus (MERS-CoV)*
- 17A. Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)
18. Penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD)
19. *Plague*
20. Poliomielitis (Akut)
21. *Rabies*
22. *Relapsing fever*
23. Sifilis (Semua jenis)
24. Tetanus (Semua jenis)
25. Tifoid dan *paratyphoid*
26. Tifus dan ricketsioses lain
27. Tuberkulosis (Semua jenis)
28. Viral ensefalitis
29. Viral hepatitis
30. Apa-apa jangkitan mikroba lain yang mengancam nyawa

BAHAGIAN II

Human Immunodeficiency Virus Infection (Semua jenis)

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“barang” ertinya apa-apa benda alih tidak bernyawa, termasuk makanan dan dadah dan termasuklah juga lengkap dan lekapan;

“berinfestasi” ertinya berinfestasi dengan rodensia atau serangga berbahaya;

“imunisasi” ertinya pemasukan antigen atau antibodi tertentu ke dalam tubuh manusia dengan tujuan memberikan imuniti terhadap penyakit yang berkenaan dan termasuklah vaksinasi;

“inspektor kesihatan” ertinya mana-mana inspektor kesihatan dalam perkhidmatan Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa tempatan;

“jangkitan” ertinya kemasukan agen penyakit berjangkit ke dalam benda bernyawa dan pembiakkannya dalam benda bernyawa;

“kapal” termasuklah apa-apa vesel yang digunakan dalam pelayaran mengikut jalan air;

“kenderaan” termasuklah kapal, pesawat udara, keretapi, kenderaan jalan raya dan apa-apa alat pengangkutan lain;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kesihatan;

“komander” ertinya orang yang sedang mengetuai sesuatu pesawat udara atau kapal;

“kontak” ertinya mana-mana orang yang telah terdedah atau mungkin telah terdedah kepada risiko dihinggapi sesuatu penyakit berjangkit, termasuk mana-mana orang yang baru tiba dari sesuatu kawasan jangkitan;

“lapangan terbang” ertinya mana-mana kawasan darat, air atau ruang yang direka bentuk, dilengkapkan, diuntukkan atau lazimnya digunakan untuk memberikan kemudahan bagi pesawat udara berlepas

lapangan terbang dan pelabuhannya, dan termasuklah Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, mana-mana Timbalan Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, mana-mana Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri, mana-mana Timbalan Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri, Pengarah Perkhidmatan Perubatan Negeri Sabah dan Timbalannya dan Pengarah Perkhidmatan Perubatan Negeri Sarawak dan Timbalannya;

“pelabuhan” ertinya pelabuhan laut atau pelabuhan pelayaran pedalaman yang biasanya dikunjungi oleh kapal;

“pemerhatian” ertinya penyisihan mana-mana kontak atau orang yang disyaki menghidap apa-apa penyakit berjangkit bagi maksud menentukan sama ada dia menghidap penyakit berjangkit atau tidak, dan termasuklah rawatan orang itu;

“pencemaran” ertinya wujudnya agen penyakit berjangkit pada permukaan atau dalam benda tidak bernyawa atau pada permukaan tubuh benda bernyawa;

“pengamal perubatan” ertinya pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50];

“pengasingan” apabila dipakai bagi seseorang atau sekumpulan orang ertinya memisahkan orang itu atau kumpulan orang itu dari pada orang lain, kecuali kaitangan yang bertanggungjawab atas penjagaan atau pengasingan orang yang tersebut, mengikut apa-apa cara untuk mencegah merebaknya jangkitan itu, dan termasuklah rawatan orang itu atau kumpulan orang itu;

“pengawasan” ertinya pengenaan mana-mana orang yang tidak diasangkan kepada pemeriksaan atau siasatan berkala bagi maksud menentukan keadaan kesihatannya dan kepada syarat yang dikenakan oleh pegawai diberi kuasa bagi maksud itu;

“penyakit berjangkit” ertinya apa-apa penyakit yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“Peraturan-Peraturan Kesihatan Antarabangsa” ertinya Peraturan-Peraturan Kesihatan Antarabangsa sebagaimana yang diterima pakai oleh Perhimpunan Kesihatan Sedunia dalam tahun 1969 dan sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa;

“pesawat udara” termasuklah tiap-tiap jenis pesawat yang digunakan dalam penerbangan mengikut jalan udara;

“premis” termasuklah apa-apa struktur, kekal atau selainnya, tanah di mana struktur itu terletak, dan mana-mana tanah bersebelahan yang digunakan berkaitan dengannya, dan termasuk juga mana-mana jalan, kawasan lapang atau kenderaan;

“rawatan” termasuk segala perbuatan dan prosedur yang perlu bagi maksud menentukan sama ada seseorang itu dijangkiti penyakit berjangkit;

“rumah tumpangan” termasuklah—

(a) hotel;

(b) asrama; atau

(c) mana-mana institusi tempat berlindung atau tempat berehat bagi orang yang memerlukan jagaan;

“serangga berbahaya” ertinya apa-apa artropod yang membawa atau menyebabkan, atau berupaya membawa atau menyebabkan, apa-apa penyakit berjangkit, dan termasuklah telur, larva dan kepompong artropod itu;

“stesen kuarantin” ertinya mana-mana tempat di mana pengasingan atau pemerhatian dijalankan dan termasuklah sesuatu hospital penyakit berjangkit dan mana-mana tempat yang diisyiharkan oleh Menteri dalam *Warta* sebagai stesen kuarantin;

“wabak” ertinya kemerebakan sesuatu penyakit dengan bertambahnya kes dalam sesuatu kawasan.

KES

Pengasingan orang yang dijangkiti dan orang yang disyaki

14. Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menyebabkan supaya mana-mana orang yang dijangkiti atau yang dia mempunyai sebab untuk percaya telah dijangkiti oleh sesuatu penyakit berjangkit dipindahkan ke suatu stesen kuarantin bagi rawatan dan boleh menahan orang itu di stesen itu sehingga dia boleh dilepaskan tanpa membahayakan orang ramai.

KES

Orang yang dijangkiti tidak boleh bertindak cara yang boleh merebakkan penyakit berjangkit

12. (1) Tiada seorang pun yang tahu atau mempunyai sebab untuk percaya bahawa dia menghidap sesuatu penyakit berjangkit boleh mendedahkan orang lain kepada risiko jangkitan melalui kehadiran atau kelakuannya di mana-mana tempat awam atau mana-mana tempat lain yang digunakan bersama-sama oleh orang selain anggota keluarga atau rumahnya sendiri.

(2) Tiada seorang pun yang tahu atau mempunyai sebab untuk percaya bahawa dia menghidap mana-mana penyakit berjangkit yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama boleh melakukan apa-apa perbuatan yang dia tahu atau mempunyai sebab untuk percaya mungkin membawa kepada merebaknya penyakit berjangkit itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

(4) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi mana-mana orang yang kehadirannya atau kelakuannya di tempat yang disebut dalam subseksyen (1) adalah perlu bagi maksud mendapatkan rawatan perubatan.

KONTAK

Pemerhatian atau pengawasan kontak

15. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh memerintahkan supaya mana-mana kontak menjalani pemerhatian di mana-mana tempat dan bagi apa-apa tempoh yang difikirkannya patut, atau menjalani pengawasan sehingga dia boleh dilepaskan tanpa membahayakan orang ramai.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang pegawai diberi kuasa boleh menggunakan kekerasan yang perlu untuk memastikan perintahnya dipatuhi.

????

BAHAGIAN V

KESALAHAN DAN PENALTI

Kesalahan secara amnya

22. Mana-mana orang—

(a) menghalang atau mengendalikan, atau membantu menghalang atau mengendalikan, mana-mana pegawai diberi kuasa dalam melaksanakan kewajipannya;

(b) tidak mematuhi apa-apa perintah yang sah yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai diberi kuasa;

(c) enggan memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki bagi maksud Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; atau

(d) apabila dikehendaki memberikan maklumat di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, memberikan maklumat palsu,

melakukan suatu kesalahan.

CONTOH SURAT ARAHAN / PERINTAH PEGAWAI DIBERIKUASA

Lampiran 5

SURAT ARAHAN SARINGAN HIV BAGI DEWASA

Nama :

Alamat kontak :

Selaras dengan Seksyen 15 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit, adalah dimaklumkan bahawa penyalasan pihak kami mendapati tuan / puan bernama
(K/P :)

disiak mempunyai risiko menghadip Penyakit Berjangkit dalam Jadual Pertama Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit.

2. Oleh yang demikian, tuan / puan diarahkan untuk hadir ke (nama Klinik Kesihatan) pada waktu pejabat dalam tempoh 7 hari dari tarikh perintah ini diterima bagi menjalani pemeriksaan kesihatan.

3. Kegagalan tuan / puan mematuhi arahan ini adalah menjadi satu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 22 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah

.....
(Nama Pegawai Diberikuasa)

Pejabat Kesihatan Daerah:

No. Telefon:

Tarikh :

No. Daftar Kes Indek:

Akuan penerima:
..... (Tandatangan)
Nama :
Tarikh :

Lampiran 6

SURAT ARAHAN SARINGAN HIV BAGI KONTAK BAWAH 18 TAHUN

Nama :

Alamat kontak:

Selaras dengan Seksyen 15 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit, adalah dimaklumkan bahawa penyalasan pihak kami mendapati anak / tanggungan tuan / puan bernama (No.K/P:)
disiak menghadip penyakit berjangkit.

2. Oleh yang demikian, tuan / puan diperintahkan untuk membawa anak / tanggungan tuan / puan ke (Nama Klinik Kesihatan) pada waktu pejabat dalam tempoh 7 hari dari tarikh surat arahan ini diterima bagi menjalani pemeriksaan kesihatan.

3. Kegagalan tuan / puan mematuhi arahan ini adalah satu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 22 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

.....
(Nama Pegawai Diberikuasa)

Pejabat Kesihatan Daerah:

No. Telefon:

Tarikh :

Akuan penerima:
..... (Tandatangan Ibu/bapa / penjaga)
Nama :
Tarikh :

*Arahan ini untuk digunakan bagi kontak yang umur di bawah 18 tahun

Lampiran 7

SURAT PERINGATAN MENGHADIRI PEMERIKSAAN KESIHATAN

SERAHAN TANGAN

Pejabat Kesihatan Daerah

Kepada

Ruj: tuan :

Ruj: kami :

Tarikh :

(Nama dan Alamat Kontak)

Tuan

SURAT PERINGATAN UNTUK MENGHADIRI PEMERIKSAAN KESIHATAN MENURUT SEKSYEN 15 AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

Adalah dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas

2. Di maklumkan bahawa tuan / puan telah gagal untuk menjalani pemeriksaan kesihatan di Klinik Kesihatan seperti yang terkandung dalam perintah yang bertarikh.....

3. Sehubungan dengan itu, tuan / puan adalah diberi peringatan akhir supaya mematuhi arahan yang telah dikeluarkan dalam tempoh 7 hari dari surat ini dikeluarkan. Kegagalan tuan/puan hadir memungkinkan pejabat ini menguatkasakan Subseksyen 15(2) Akta yang sama tanpa sebarang notis lagi

4. Kerjasama tuan / puan dalam mematuhi arahan berkenaan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Pegawai Diberikuasa)

CONTOH LAPORAN POLIS

LAPORAN POLIS BAGI KES ENGGAN / ENGKAR ARAHAN

Pada lebih kurang jam pagi / petang saya (Nama Pegawai Penyiasat)..... No. K/P: seorang Pegawai diberikuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 telah memberikan arahan bertulis melalui surat bertarikh (sila nyatakan) kepada (nyatakan nama kontak)..... No.K/P: di alamat untuk menjalani pemeriksaan kesihatan di Klinik Kesihatan Walau bagaimanapun setelah tamat tempoh yang diberikan, beliau masih gagal untuk menjalani pemeriksaan yang diarahkan. Oleh itu saya datang untuk membuat laporan polis seperti mana di bawah Seksyen 22 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan / atau Seksyen 186 Kanun Keseksaan. Laporan ini dibuat untuk tujuan tindakan perundangan.

LAPORAN POLIS BAGI KONTAK MENGHALANG PEGAWAI DIBERIKUASA

Pada lebih kurang jam pagi / petang saya
No.K/P : seorang Pegawai Diberikuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 telah memberi arahan melalui surat bertarikh (sila nyatakan) kepada (sila nyatakan nama kontak) No.K/P: di alamat untuk menjalani pemeriksaan kesihatan di Klinik Kesihatan Sampai di alamat di atas, saya telah dihalang daripada melaksanakan kewajiban saya untuk mengarahkan beliau menjalani pemeriksaan kesihatan. Oleh itu saya datang untuk membuat laporan polis seperti mana di bawah peruntukan Seksyen 22, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan / atau Seksyen 186 Kanun Keseksaan.

LAPORAN POLIS BAGI KONTAK MEMBERI MAKLUMAT PALSU

Pada lebih kurang jam pagi / petang saya No.K/P : seorang Pegawai diberikuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 telah mengarahkan (sila nyatakan nama kontak) No. K/P : di alamat untuk menjalani pemeriksaan kesihatan di Klinik Kesihatan Walau bagaimanapun saya mendapat maklumat yang diberikan oleh beliau adalah palsu dan tidak benar. Laporan polis ini dibuat untuk tindakan di bawah peruntukan Seksyen 22 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan / atau Seksyen 177 Kanun Keseksaan.